

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM
(SARATOK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah GST yang bakal diperkenalkan dari April 2015 nanti dapat membantu mengurangkan defisit fiskal negara memandangkan Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk terus mengurangkan defisit fiskal negara.

JAWAPAN

Kerajaan terus komited dalam melaksanakan inisiatif pembaharuan fiskal bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan sasaran defisit fiskal pada paras 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun ini, 3% pada 2015 dan bajet berimbang (*balanced budget*) pada

2020 tercapai. Komitmen ini juga adalah bagi memastikan paras hutang sentiasa tidak melebihi 55% daripada KDNK dan menjamin kemampuan fiskal jangka panjang negara.

Langkah utama di bawah inisiatif pembaharuan fiskal termasuk pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan pelaksanaan rasionalisasi subsidi. Pelaksanaan GST mulai April 2015 adalah selaras dengan usaha Kerajaan dalam memperkemas dan memperluaskan asas cukai serta mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum. Pertumbuhan hasil yang kukuh terutamanya daripada sektor bukan berasaskan petroleum adalah penting dalam memastikan kewangan Kerajaan terus teguh. Kerajaan yakin dengan pelaksanaan GST ini akan mampu membantu meningkatkan hasil Kerajaan seterusnya mencapai sasaran defisit yang ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TAN SRI DATO SRI WILLIAM
DARIPADA MAWAN IKOM
[SARATOK]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang meletakkan kuota untuk subjek-subjek tertentu untuk memastikan universiti tempatan melatih guru dalam pelbagai bidang dan subjek untuk menepati permintaan di sekolah untuk mengelakkan isu ketidaksepadan opsyen guru demi menjamin kualiti pengajaran

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Institut Pendidikan Guru (IPG) menawarkan latihan perguruan dalam opsyen tertentu adalah berdasarkan kepada unjuran keperluan guru mengikut tahun. Langkah tersebut dilakukan bagi memastikan tidak berlaku lambakan graduan perguruan untuk ditempatkan ke sekolah-sekolah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM
[SARATOK]**

SOALAN : 568

Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang baharu yang lebih ketat meliputi pembatalan lesen memandu dan pengharaman pembelian motosikal untuk membendung gejala lumba haram yang semakin berleluasa dalam kalangan remaja pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berpandangan undang-undang sedia ada telah mencukupi dan bersifat *deterrent* dalam menangani gejala lumba haram yang berleluasa di kalangan remaja pada masa kini. Di bawah seksyen 82(3) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, bagi kesalahan kali pertama, hukuman ke atas orang yang mengambil bahagian dalam pertandingan atau ujian kelajuan adalah denda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Dalam masa yang sama, mahkamah boleh menghilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu bagi tempoh tidak melebihi satu tahun.

Bagi kesalahan kali kedua dan kemudiannya pula, mereka yang disabitkan kesalahan akan didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi setahun atau kedua-duanya. Selain itu, mahkamah boleh menghilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Seksyen 81(4) APJ 1987 pula memberi kuasa kepada pegawai polis untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan kesalahan di atas dan kenderaan yang digunakan boleh disita bagi maksud apa-apa prosiding.